



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

GERAK INTEGRASI PERPADUAN (GRIP) DOKONG USAHA MEMPERKUKUH JATI DIRI NASIONAL DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

KUANTAN, 24 Julai – Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM) telah melancarkan **Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Kelab Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025** di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Afzan.

GRIP berteraskan modul silang budaya yang mengutamakan pengalaman pembelajaran secara langsung dan interaktif, dengan penekanan terhadap **nilai-nilai kenegaraan, adat dan warisan budaya, serta nilai sivik dan moral**. Program GRIP adalah inisiatif berwajah baharu setelah menggabungkan kesemua intipati utama program sedia ada Kementerian iaitu Program Kenali Kita, Kem Perpaduan Anak Malaysia serta program silang budaya.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata 'pelaksanaan GRIP adalah selaras dengan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang meletakkan **pembinaan identiti nasional, pengukuhan integrasi sosial dan pembentukan masyarakat inklusif** sebagai teras utama negara. Berteraskan Modul Silang Budaya dan prinsip **Faham, Hormat, dan Terima**, GRIP menjadi **platform praktikal untuk melatih generasi muda menghayati nilai inklusif dan penerimaan kepelbagaian secara langsung**'.

Program GRIP disusun mengikut **tiga (3) kluster utama** iaitu :

- i. **Kluster Kenegaraan**, yang memberikan penekanan kepada pemahaman dan penghayatan terhadap **Sejarah Pembentukan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**.

- ii. **Kluster Budaya dan Adat Resam**, yang merangkumi informasi kepada makanan tradisi, pakaian, perayaan, persembahan seni rakyat, permainan tradisional serta hasil kraf tangan pelbagai etnik.
- iii. **Kluster Nilai-Nilai Murni** yang mengangkat aspek sivik dan moral. Kluster ini **memperkuh amalan nilai murni dalam konteks sosial dan kewarganegaraan yang inklusif.**

Program GRIP akan dikembang dan dilaksanakan di semua negeri secara berfasa mulai tahun ini. KPN yakin bahawa program memberikan nilai dan pengalaman yang akan membentuk murid-murid menjadi ejen perpaduan di sekolah dan dalam komuniti seterusnya membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu, inklusif dan bertanggungjawab.

Kementerian Perpaduan Negara

24 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (54)